

PETIKAN TITAH SULTAN JOHOR



ORANG Melayu diingatkan supaya bermuhasabah diri dan segera kembali ke pangkal jalan bagi mempertahankan kedaulatan Melayu. Berdasarkan perkembangan semasa, terdapat orang Melayu yang mahu menolak kedaulatan kaum tersebut seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan negara.

Perkara ketuanan Melayu saya bangkitkan kerana saya dapat pada hari ini ramai rakyat yang tidak memahami atau sudah salah tafsir maksud sebenar. Ketuanan Melayu atau lebih dikenali kedaulatan Melayu mencakupi kedudukan Raja-raja Melayu dan rakyatnya yang kekal sehingga ke hari ini dan bukannya soal antara 'tuan' dan 'hamba'."

- Titah baginda semasa merasmikan Multaqia Ulama Darul Ta'zim di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru pada 9 Disember 2010.



SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah meninggalkan Panca Persada tempat bersiram selepas Istiadat Siram Tabal di Pekarangan Bukit Bintang, Istana Besar di Johor Bahru, Johor, semalam.
- BERNAMA



Pasangan diraja jalani Istiadat Siram Tabal

Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLY
dan MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 21 MAC

SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan menghadiri Istiadat Siram Tabal yang diadakan di pekarangan Bukit Bintang, Istana Besar Johor Bahru di sini hari ini.

Sultan Ibrahim dan Raja Zarith Sofiah yang memakai baju Melayu dan baju kurung Teluk Belanga berwarna putih bersemayam di pterana di Panca Persada setinggi sembilan tingkat.

Istiadat unik penuh bersejarah itu dimulakan dengan bacaan doa oleh Mufti Johor, Datuk Mohd. Tahrim Samsudin dan disusuli istiadat tepung tawar oleh bonda Sultan Ibrahim, Enche' Besar Hajah Khalid Abdullah.

Mengiringi Enche' Besar Hajah Kalsom ialah kakanda Sultan Ibrahim, Tunku Puteri Johor, Tunku Kamariah Sultan Iskandar dan adinda baginda, Tunku Besar Zabedah Sultan Iskandar.

Istiadat Siram Tabal yang berlangsung pukul 3.30 petang itu disempurnakan Tunku Kamariah dengan menggunakan air yang diambil daripada 10 batang sungai dari 10 daerah di negeri ini sambil



SAYA juga menyokong usaha kerajaan negeri yang akan membekukan sebarang kegiatan pembalakan di hutan simpan kekal pengeluaran mulai tahun depan.

Tidak ada guna menjadi sebuah negeri maju, tetapi memiliki persekitaran yang kotor dan tercemar. Tidak guna jika rakyat memiliki pendapatan tinggi, tetapi hidup dalam keadaan tidak sihat dan berpenyakit."

- Titah Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang dibacakan oleh Pegawai Daerah Johor Bahru, Amran A. Rahman yang menjadi wakil rasmi baginda dalam majlis Ikrar Taat Setia sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Johor di Johor Bahru pada 22 November 2014.

diiringi empat wanita kerabat diraja terdekat dalam upacara yang diawali dan diakhiri dengan bacaan doa.

Yang turut berangkat menyaksikan istiadat berkenaan, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan Che' Puan Khaleeda Bustamam serta kerabat diraja lain.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan isteri, Datin Seri Rosni Omar; Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli, barisan Exco kerajaan negeri serta para pegawai kerajaan negeri turut hadir dalam istiadat berkenaan.

Istiadat Siram Tabal dijalankan mengikut tradisi masyarakat Me-

layu dan merupakan upacara simbolik membersihkan diri dari segi fizikal dan spiritual.

Upacara tersebut turut melibatkan 19 penjawat wanita yang memegang cepur (dulang berisi air) dan batil (gayung), manakala sembilan wanita pemegang kain tabir semasa istiadat bersiram dilakukan.

Ini merupakan salah satu upacara unik yang dilakukan sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim pada Isnin ini.

Sultan Ibrahim yang diputerakan pada 22 November 1958 dimasyhurkan sebagai Sultan Johor kelima pada 23 Januari 2010, menggantikan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail.

WARNA WARNI

DETIK 23 Mac 2015 sememangnya ditunggu-tunggu oleh rakyat Johor, khususnya warga bandar raya Johor Bahru bagi menyaksikan peristiwa bersejarah sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Pelbagai acara dirancang melibatkan semua lapisan rakyat bagi memeriahkan istiadat tersebut yang kali terakhir diadakan 55 tahun lalu ketika Almarhum Sultan Ismail Sultan Ibrahim menjadi Sultan Johor.

Antara acara yang bakal menjadi tarikan utama pertunjukan bot-bot berhias oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta dari daerah-daerah di negeri ini.

■ SALAH sebuah bot berhias yang akan mengadakan pertunjukan sempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor pada 23 Mac di Selat Tebrau, Johor Bahru, Johor, semalam.

- MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI